

siaran media

UNTUK TERBITAN SEGERA

SABTU 26 OGOS 2017

Pemenang pertandingan realiti perniagaan TERAJU 'SUPERB Siri II' diumumkan

KUALA LUMPUR --- Dua puluh usahawan muda berbakat hari ini bertanding di **peringkat akhir SUPERB SIRI 2** bagi melayakkan diri memenangi hadiah geran terbesar RM500,000 seorang.

Pada sidang media hari ini, TERAJU selaku penganjur pertandingan realiti yang berunsurkan perniagaan, mengumumkan pemenang-pemenang berikut yang mengumpul markah terbanyak:

(Sila rujuk senarai yang dikeluarkan oleh pihak TERAJU)

Musim ini, jumlah yang telah diperuntukkan bagi pertandingan ini menjadikannya salah satu pertandingan realiti berunsurkan bisnes terbesar negara, bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dalam bidang perniagaan di kalangan golongan muda Bumiputera.

Hari ini telah menyaksikan dua puluh peserta peringkat akhir berusaha untuk menawan hati enam juri yang diketuai oleh Datuk Husni Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU.

"Kesemua dua puluh finalis telah bertanding dengan penuh iltizam dalam usaha untuk menjadi usahawan Bumiputera yang berjaya. Kami kagum dengan idea kreatif dan inovatif yang telah dipersembahkan. Walaupun usia muda, kesemua finalis yang bertanding hari ini sangat berbakat," kata Datuk Husni.

Panel juri peringkat akhir SUPERB SIRI 2 ini turut terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif KWAP Datuk Wan Kamaruzaman bin Wan Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif Touch n' Go Syahrudin, SME Corp Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif 1 Rizal Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif KRU Datuk Norman Abdul Halim, Ketua Pegawai Eksekutif MaGIC Ashran Datuk Ghazi.

SUPERB Siri II telah bermula pada bulan Julai di mana 800 peserta dari seluruh negara telah memohon untuk bersaing dalam pertandingan yang berunsurkan perniagaan.

Dari pelbagai sektor industri yang dibuka kepada peserta, para finalis hari ini memilih untuk membuah hasil fikiran daripada bidang pendidikan, elektronik dan elektrik, pemborong dan peruncit, penjagaan kesihatan, pertanian, perkhidmatan perniagaan, kandungan dan infrastruktur komunikasi.

Skim Permulaan Usahawan Bumiputera (SUPERB) oleh TERAJU menawarkan geran bagi menyokong idea perniagaan yang kreatif dan inovatif. Program ini dibuka kepada individu Bumiputera atau syarikat beroperasi kurang dari tiga tahun yang bercita-cita untuk menjadi usahawan berjaya.

Pemilihan penerima geran SUPERB dilaksanakan melalui format 'pitch' bersamaan dengan rancangan realiti berunsurkan perniagaan.

Peserta dikehendaki menonjolkan idea, penemuan atau ciptaan mereka di hadapan panel hakim yang terdiri daripada usahawan perniagaan yang berjaya. Peserta harus menunjukkan keupayaan mereka dalam mengkomersialkan idea mereka ke arah model perniagaan yang mampan.

Sejak SUPERB diperkenalkan pada tahun 2014, ia telah berjaya mencungkil bakat 137 usahawan muda yang turut menerima geran permulaan perniagaan sebanyak RM68.5 juta.

Sebilangan besar daripada usahawan muda ini telah berjaya mempamerkan idea mereka memasuki pasaran eksport antarabangsa, dan menempa jenama buatan tempatan mereka ke pesada dunia.

SUPERB telah membina imejnya sebagai landasan dalam mencungkil bakat-bakat dan idea-dea baru yang berkualiti serta berpotensi untuk dikomersialkan, di peringkat nasional, serantau dan dunia.

Hasilnya, SUPERB kini juga diadaptasi oleh institusi-institusi lain dengan perkenalan SUPERB Halal Chefprenneur Challenge di HALFEST ASEAN 2017 dan SUPERB Jelajah Usahawan Automotif 2017 yang dijadualkan berlangsung pada bulan Disember nanti.

Turut diumumkan hari ini adalah SUPERB Series III akan bermula pada bulan September tahun ini.

SIARAN MEDIA disediakan dan diedarkan bagi pihak **UNIT PENERAJU AGENDA BUMIPUTERA** oleh firma perunding perhubungan awam **GRA COMMUNICATIONS SDN BHD**. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ghazalie Abdullah +6017 336 1090 atau Yusuf Abd Alim +6013 250 5504 atau Abd Azim Shakron +6019 385 1095.

MENGENAI TERAJU

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah ditubuhkan pada 8 Februari 2011 sebagai unit strategik di bawah Jabatan Perdana Menteri bertujuan menerajui, memacu dan menyelaras penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Bertindak sebagai 'Game Changer', TERAJU dipacu berdasarkan lima teras di bawah Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 (BETR 2.0) – iaitu, memperkukuhkan modal insan, menggalakkan pekerjaan dan pendapatan bernilai tinggi, meningkatkan saham Bumiputera dan nilai ekuiti korporat, memperkukuh keusahawanan, serta meningkatkan pemilikan aset bukan kewangan.

Selain daripada sudut ekonomi, TERAJU juga berperanan dalam aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, sosial dan budaya, hidup dalam persekitaran yang selesa dan dinamik, serta mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi dengan penerapan aspek sosial melalui Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB).

Sehingga kini, TERAJU telah berjaya mencipta nilai sebanyak RM112 bilion untuk Bumiputera, mencipta lebih daripada 43,000 peluang pekerjaan, RM13.29 bilion pelaburan swasta Bumiputera dari Dana Mudahcara, serta mencatat sebanyak RM8.6 bilion modal pasaran daripada penyenaaraan syarikat-syarikat Bumiputera di Bursa Malaysia.

Kerangka kejayaan TERAJU dibina menerusi kerjasama Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) di bawah 24 buah kementerian dan Jabatan Perdana Menteri. UPEB diselia oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang diketuai oleh Perdana Menteri Malaysia. Inisiatif-inisiatif pula dilaksanakan bersama-sama dengan agensi kerajaan di pelbagai peringkat, koridor-koridor ekonomi, GLC/GLIC dan sektor swasta.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.teraju.gov.my.

ABOUT SUPERB

The Bumiputera Entrepreneurs Startup Scheme (Superb) by TERAJU provides grants of up to RM500,000 to support creative and innovative business ideas. The programme is opened to Bumiputeras who aspire to be an entrepreneur or companies operating less than three years.

Selection of recipients for the Superb grants are conducted through a pitch programme similar to those of business-focused reality TV shows. Participants are required to propose the merits of their ideas, discoveries or inventions before a panel of judges comprising successful business entrepreneurs.

Since Superb first rolled out in 2014, it has to great success groomed 137 young entrepreneurs who have received start-up grants of up to RM68.5 million.

TERAJU is excited that a number of these young entrepreneurs have turned highly successful upscaling their ideas and even entering into the international export markets, carving out a name for their Malaysian home-grown brands.

For a more detailed insight, please log onto <http://www.teraju.gov.my/skim-permulaan-usahawan-bumiputera/?lang=en>